

Zahid tidak setuju halalkan ganja
Malaysian Insider
Feb 28, 2016

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata beliau tidak setuju dengan cadangan supaya dasar pengharaman ganja di negara ini dikaji semula bagi membolehkan ia digunakan dengan bersyarat.

Beliau berkata ini kerana langkah beberapa negara di Eropah yang membenarkan penggunaan ganja didapati tidak berupaya untuk mengatasi masalah berkaitan penyalahgunaan atau penagihan dadah dengan berkesan.

"Secara peribadi saya berpendapat negara-negara berkenaan tidak boleh dijadikan penanda aras untuk mengizinkan penggunaan dadah itu di sini.

"Saya lihat beberapa kajian ... bila ganja dibenar penggunaan, ia tidak mengurangkan penyalahgunaan dadah di negara berkenaan, malah ia menyebabkan ketagihan berulang dan penambahan penagih baharu," katanya dalam sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan di Taman Awam hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Pengerusi Jawatankuasa Kerohanian dan Keagamaan Parlimen Belia Malaysia Muhamad Ridhwan Muhamad Rosli baru-baru ini supaya kerajaan memperhalusi dasar pengharaman ganja mengikut situasi semasa dengan melihat kegunaannya daripada aspek positif.

Terdahulu dalam ucapannya, Zahid yang juga menteri dalam negeri berkata tahun lepas sebanyak 26,668 penagih dadah dikesan dalam negara, dengan 23.9% merupakan penagih berulang.

Beliau berkata apa yang malang ialah 73.4% daripada penagih itu terdiri daripada kumpulan umur 18 dan 39 tahun, malah menurutnya pada 2014 penagih paling muda dilaporkan berumur 13 tahun, manakala tahun lepas paling muda berumur 7 tahun.

Katanya kajian Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mengenal pasti 178 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara yang dianggap sebagai kawasan panas pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Sehubungan itu, Zahid mengisytiharkan 2016 sebagai Tahun Memerangi Dadah secara besar-besaran buat semua agensi yang berkaitan seperti polis, AADK dan Pemadam.

Terdahulu, Zahid memulakan lawatan kerja ke Lawas dengan dengan meninjau Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lawas dan mendengar taklimat mengenai cadangan pembinaan balai polis baharu.

Menurutnya selain IPD Lawas, pihaknya sedang mengusahakan peruntukan bagi menaik taraf dan membangunkan 3 lagi balai polis sekitar Lawas yang terdiri daripada balai polis Sindumin, Merapoh dan Sundar. – Bernama, 28 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/zahid-tidak-setuju-halalkan-ganja>